



LAPORAN SITUASI SEMASA #06

AGANSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

15 SEPTEMBER 2025


1

STATISTIK BENCANA KUMULATIF MULAI 1 SEPTEMBER 2025 SEHINGGA 15 SEPTEMBER 2025



* Data sehingga jam 2.00 petang

PPS: Pusat Pemindahan Sementara





LAPORAN SITUASI SEMASA #06

AGENCI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

15 SEPTEMBER 2025

2



SITUASI TERKINI

- Susulan kejadian banjir dan kebakaran di Sabah, sebanyak enam daerah telah diisytiharkan sebagai kawasan bencana oleh Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) iaitu:

Bil.	Tarikh Isytihar	Daerah	Jenis Bencana
1	09/09/2025	Beaufort	Banjir
2	11/09/2025	Penampang	Banjir
3	12/09/2025	Tawau	Kebakaran
4	15/09/2025	Papar	Banjir
5	15/09/2025	Membakut	Banjir
6	15/09/2025	Putatan	Banjir

- Pada 15 September 2025, Mesyuarat Penyelaras Pengurusan Bencana Negeri Sabah telah diadakan dan dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sabah dengan turut dihadiri oleh Ketua Pengarah NADMA, ketua-ketua jabatan serta pegawai daerah.
- Hujan lebat pada 5 September 2025 di beberapa daerah di Sabah iaitu daerah Tenom, Nabawan, Keningau, Sook, Beaufort dan Sipitang telah menyebabkan berlakunya kenaikan paras air Sungai Padas dan menyebabkan beberapa kawasan dinaiki air. Satu Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di daerah Beaufort telah dibuka mulai 9 September 2025 dan masih aktif sehingga ke hari ini.
- Ekoran hujan lebat berterusan pada 10 September 2025 di daerah Penampang, Sabah telah menyebabkan beberapa kawasan dinaiki air dan empat PPS di daerah Penampang telah dibuka mulai 11 September 2025 dengan 2 PPS masih aktif sehingga ke hari ini.
- Akibat hujan lebat berterusan di daerah Penampang, Sabah, satu kejadian tanah runtuh telah berlaku di Kg. Sarapung, Penampang yang menyebabkan tiang menara Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) telah tergelincir dan mengakibatkan gangguan bekalan elektrik kepada hampir 230,000 pengguna di Pantai Timur Sabah termasuk daerah Sandakan, Lahad Datu, Kinabatangan, Kunak, Semporna dan Beluran. Terdapat **satu kematian** yang direkodkan pada 12 September 2025 yang melibatkan seorang lelaki warga emas yang tertimbus dalam kejadian tanah runtuh tersebut.



RAMALAN CUACA 7 HARI (SEHINGGA 21 SEPTEMBER 2025)

- Musim Monsun Barat Daya (MBD) telah bermula pada 10 Mei 2025 dan negara **kini berada di penghujung musim MBD** berikutan keadaan angin yang bertiup secara konsisten dari arah barat daya ke rantau negara mulai melemah. Keadaan ini telah menggalakkan pembentukan awan konvektif di kebanyakan kawasan sejak kebelakangan ini. Beberapa tempat telah mencatatkan jumlah hujan harian yang banyak, iaitu melebihi 80 mm/hari.
- Secara amnya, rantau negara menerima tiupan angin baratan sepanjang tempoh ramalan. Analisis terhadap model-model ramalan cuaca terkini menunjukkan **penumpuan angin dijangka berlanjutan di barat Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan serta tengah dan utara Sarawak sehingga 16 September 2025**. Keadaan ini berpotensi menghasilkan **ribut petir berserta hujan lebat dalam jangka masa yang lebih panjang di kawasan berkenaan dalam tempoh tersebut**.
- Pembentukan garis badai yang membawa ribut petir/hujan lebat berserta angin kencang berpotensi berlaku di barat Semenanjung Malaysia dan barat Sabah serta utara Sarawak pada awal pagi. Manakala, ribut petir/hujan dijangka berlaku di pedalaman & timur Semenanjung Malaysia, timur Sabah dan Sarawak pada sebelah petang dan malam sepanjang tempoh ramalan.

Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)



MAKLUMAT GEMPA BUMI SERANTAU

- Tiada kejadian gempa bumi terbaru yang direkodkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) di Segamat, Johor sejak gempa bumi yang terakhir direkodkan pada 30 Ogos 2025 yang lalu. Maklumat kejadian gempa bumi di Johor seperti jadual yang berikut dan di **Lampiran 1**.

Bil.	Tarikh	Masa	Magnitud	Lat Long	Lokasi
1	24/08/2025	6.13 pagi	4.1	2.51°N 102.76°E	5km Barat Segamat
2	24/08/2025	9.00 pagi	2.8	2.18°N 103.12°E	28km Barat Laut Kluang
3	27/08/2025	8.59 pagi	3.2	2.33°N 102.79°E	18km Selatan Segamat
4	28/08/2025	7.56 malam	2.5	2.62°N 102.78°E	13km Utara Segamat
5	29/08/2025	4.24 pagi	3.4	2.70°N 102.90°E	22km Timur Laut Segamat
6	30/08/2025	7.29 pagi	2.7	2.50°N 102.80°E	2km Barat Laut Segamat

Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)



LAPORAN SITUASI SEMASA #06

AGANSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

15 SEPTEMBER 2025

3



STATUS CUACA PANAS

- Bagi status cuaca panas terkini pada **14 September jam 4.00 petang**, tiada daerah yang mencatatkan cuaca panas **Tahap 1** seperti di **Lampiran 2**.
- Bagi tempoh dari **15 - 30 September 2025** dijangkakan corak cuaca yang sama akan berlaku di mana tiada kawasan yang dijangka mencatatkan cuaca panas Tahap 1.
- Untuk rujukan, **Tahap 1 (berjaga-jaga)**: suhu maksimum harian 35°C hingga 37°C sekurang-kurangnya 3 hari berturut-turut), **Tahap 2 (gelombang haba)**: suhu maksimum harian melebihi 37°C hingga 40°C sekurang-kurangnya 3 hari berturut-turut) dan **Tahap 3 (gelombang haba ekstrem)**: suhu maksimum harian melebihi 40°C sekurang-kurangnya 3 hari berturut-turut).

Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)



HEBAHAN RAMALAN KEMARAU BAGI LEMBANGAN SUNGAI

- Tiada hebahan ramalan kemarau terkini yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sehingga 15 September 2025.
- Satu stesen kadar alir masih menunjukkan kadar alir sungai di bawah normal iaitu **Sungai Galas di Dabong, Kuala Krai, Kelantan** yang telah dikemas kini pada 9 September 2025.

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)



STATUS STORAN EMPANGAN

- Pada **12 September 2025**, Empangan Bukit Merah, Perak menunjukkan **peningkatan sebanyak 4.23%** baki stok simpanan semasa air mentah namun masih berada pada **paras waspada iaitu 52.83%** berbanding 11 September 2025 sebanyak 48.60%. Manakala terdapat **dua empangan** yang turut berada pada paras **waspada** iaitu **Empangan Muda, Kedah (30.89%)** dan **Empangan Ahning, Kedah (53.15%)** seperti di **Lampiran 3**.
- Empangan Bukit Merah di Perak telah berada di bawah paras normal bermula 17 Jun 2025. Walau bagaimanapun, aras empangan semasa telah melebihi paras kritikal (23 kaki) dan bekalan air untuk pengairan telah dibuka semula.

- Empangan Muda dan Empangan Ahning di Kedah berada di bawah paras normal bermula 5 Ogos 2025.
- Sebagai rujukan, untuk Empangan Bukit Merah, Perak, paras air 20 kaki (**aras pengairan dihentikan**), paras air 21 - 23 kaki (**aras kritikal**), paras air 25 kaki (**aras berjaga-jaga**) serta paras air 28.5 kaki (**aras normal**).

Sumber: Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)



STATUS PENCEMARAN UDARA

- Bagi status pencemaran udara terkini pada **15 September jam 12.00 tengah hari**, **tiada kawasan** yang merekodkan kualiti udara yang tidak sihat dengan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) melebihi 100 seperti di **Lampiran 4**.
- Untuk rujukan, bacaan IPU 0 - 50 (**baik**), 51 - 100 (**sederhana**), 101 - 200 (**tidak sihat**), 201 - 300 (**amat tidak sihat**) dan melebihi 300 (**merbahaya**).

Sumber : Jabatan Alam Sekitar (JAS)



STATUS JEREBU SERANTAU

- Berdasarkan kepada imej satelit NOAA-20 pada 14 September 2025 yang direkodkan oleh *Asean Specialized Meteorological Centre (ASMC)* menunjukkan **tiada titik panas dikesan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Sumatera menunjukkan peningkatan dengan 19 titik panas dikesan** berbanding satu titik panas pada 13 September 2025, manakala satu titik panas sahaja dikesan di Kalimantan seperti di **Lampiran 5**.

Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)



RINGKASAN PENYAKIT BERKAITAN CUACA PANAS

- Pada **14 September 2025**, tiada kes penyakit berkaitan dengan cuaca panas dilaporkan. Kumulatif kes berkaitan dengan cuaca panas bagi tahun 2025 adalah **47 kes**. Pecahan kes mengikut diagnosis adalah **43 kes kelesuan haba** dan **empat kes strok haba exertional**.



LAPORAN SITUASI SEMASA #06

AGANSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

15 SEPTEMBER 2025

4

- Bilangan keseluruhan kes berkaitan cuaca panas mengikut negeri adalah 12 kes di Selangor, tujuh kes masing-masing di Perak dan Sabah, lima kes masing-masing di Melaka dan Johor, empat kes di Terengganu, tiga kes di Negeri Sembilan, dua kes masing-masing di Pahang dan Kedah. Pecahan kes mengikut umur adalah **22 kes remaja, 24 kes dewasa** dan **satu kes warga emas**.
- **Tiada kes kematian berkaitan cuaca panas dilaporkan** dari 1 Januari 2025 hingga 14 September 2025. Kesemua kes penyakit berkaitan cuaca panas telah sembuh dan dicaj dari pusat rawatan.

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)



LANGKAH-LANGKAH KESIAPSIAGAAN OLEH AGANSI KERAJAAN

GEMPA BUMI DI SEGAMAT, JOHOR

- Pada 3 September 2025, telah berlangsung Program Pengurusan Risiko Bencana Gempa Bumi bersama Pemimpin Komuniti Daerah Segamat yang dianjurkan oleh JPBD Segamat dengan kerjasama NADMA, Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) serta Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG).
- Program ini telah dihadiri oleh lebih 1,000 orang peserta yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin komuniti, pimpinan sekolah, wakil-wakil rumah ibadat dan wakil-wakil kaum dari daerah Segamat. Objektif program ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan, kesedaran dan kesiapsiagaan masyarakat setempat dalam menghadapi sebarang kemungkinan bencana gempa bumi. Melalui program ini juga masyarakat diberi pendedahan mengenai langkah-langkah mitigasi dan tindak balas kecemasan yang berkesan.
- JPBD Segamat melaporkan sebanyak 62 rumah, dua surau dan sembilan premis kerajaan dilaporkan mengalami kerosakan kecil setakat ini, namun disahkan masih selamat untuk digunakan hasil penilaian teknikal oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sehubungan dengan itu, kerajaan bersetuju menyalurkan bantuan kewangan kepada 62 Ketua Isi Rumah (KIR) yang kediamannya terjejas susulan gegaran akibat gempa bumi berkenaan.

- Dua stesen tambahan *weak motion* akan dibina di Johor, bagi mengesan gegaran awal gempa bumi, melibatkan peruntukan tiga juta ringgit daripada Kerajaan Persekutuan. Pihak JMG Johor akan menjalankan siasatan tanah dan bangunan sedia ada di kawasan gempa, untuk menentukan tahap risiko dengan lebih tepat. Pemetaan risiko seismik juga akan dikemas kini secara berterusan melalui cerapan pergerakan sesar dengan integrasi teknologi moden termasuk kecerdasan buatan (AI).
- Fasiliti penting seperti Tenaga Nasional Berhad, Petronas, Ranhil SAJ dan Badan Kawalselia Air Johor (BAKAJ) turut diperiksa dan kesemua sistem dan kemudahan asas ini berada dalam keadaan baik dan berfungsi seperti biasa.
- NADMA melalui Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC), dengan kerjasama MET Malaysia dan JMG, akan terus komited memperkasakan pemantauan serta analisis saintifik terhadap kawasan yang dijangka akan menerima ancaman risiko gempa bumi yang berlaku sama ada berpusat dalam negara atau daripada negara jiran.
- Orang ramai perlu mengambil langkah berjaga-jaga dan sentiasa peka dengan maklumat sahih yang dikeluarkan oleh MET Malaysia dan JMG.

BANJIR DAN TANAH RUNTUH DI SABAH

- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengaktifkan dan mengurus Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dengan menyediakan kemudahan asas, melaksanakan pendaftaran mangsa, menyalurkan keperluan harian serta memastikan kebajikan dan keselesaan penduduk termasuk wanita, warga emas, bayi dan Orang Kurang Upaya (OKU).
- Operasi Mencari dan Menyelamat (SAR) turut digerakkan oleh agensi tindak balas dengan memberi tumpuan kepada usaha mengesan serta mengeluarkan mangsa yang tertimbus akibat tanah runtuh selain menyelamatkan mangsa banjir.
- Kerja baik pulih infrastruktur di Jalan Penampang - Tambunan giat dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah dengan kerjasama syarikat konsesi berikutan kejadian tanah runtuh yang menjejaskan laluan utama. Usaha pembersihan runtuhan, penstabilan cerun dan pembaikan segera sedang dipergiat dengan sasaran membuka semula laluan dua hala penuh. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Sabah sedang melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan mitigasi bagi mengurangkan risiko limpahan air.



LAPORAN SITUASI SEMASA #06

AGANSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

15 SEPTEMBER 2025

5

- Dalam aspek pemulihan utiliti, Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) telah diarahkan untuk segera menyambung semula bekalan elektrik yang terjejas, manakala Jabatan Air Sabah bersama kontraktor sedang melaksanakan langkah segera bagi memulihkan bekalan air bersih kepada penduduk. Semua usaha ini diselaras di bawah JPBD bagi memastikan pemulihan infrastruktur dan utiliti kritikal dapat dilaksanakan dengan segera.
- Selain bantuan kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan penduduk setempat turut menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada mangsa bencana di Sabah. Sumbangan yang diberikan merangkumi makanan sedia dimakan, barangan keperluan harian, selimut, tilam, bantal serta bantuan logistik lain. Usaha ini secara tidak langsung membantu meringankan beban mangsa yang terjejas dan menyokong kelancaran operasi bantuan di kawasan bencana.
- Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) yang beroperasi 24 jam setiap hari akan sentiasa memantau situasi cuaca. Amaran bencana akan disalurkan kepada Agensi Tindak Balas dan Pegawai Daerah dari semasa ke semasa.



NASIHAT DAN INFO SELANJUTNYA

Tips Sewaktu Berlaku Banjir:

Sebelum banjir:

- ✓ Kenal pasti kawasan berisiko banjir di sekitar tempat tinggal.
- ✓ Sediakan beg kecemasan berisi dokumen penting, makanan kering, pakaian, ubat-ubatan dan peralatan kecemasan.
- ✓ Simpan nombor penting dan pasukan penyelamat.
- ✓ Pastikan longkang, parit dan saluran air di sekitar rumah sentiasa bersih.
- ✓ Kenal pasti PPS terdekat.

Semasa banjir:

- ✓ Patuhi arahan berpindah daripada pihak berkuasa.
- ✓ Putuskan bekalan elektrik dan gas jika rumah mula dinaiki air.
- ✓ Elakkan merentas jalan atau sungai yang dinaiki air deras.
- ✓ Gunakan hanya sumber air bersih dan makanan selamat.
- ✓ Sentiasa bersama ahli keluarga dan pastikan kanak-kanak diawasi.
- ✓ Ikuti perkembangan cuaca dan maklumat rasmi daripada pihak berkuasa.

Selepas banjir:

- ✓ Pulang ke rumah hanya selepas pengesahan pihak berkuasa bahawa kawasan selamat.
- ✓ Periksa struktur rumah, terutama dinding, lantai, bumbung dan kabel elektrik.
- ✓ Elakkan menggunakan peralatan elektrik yang terkena air sebelum diperiksa.
- ✓ Bersihkan rumah dengan langkah keselamatan dengan menggunakan sarung tangan, kasut getah, pelitup muka.
- ✓ Buang makanan dan ubat yang terdedah kepada air banjir.
- ✓ Dapatkan rawatan segera jika mengalami simptom penyakit bawaan air.

Tips Sewaktu Musim Panas:

- ✓ Minum air mencukupi dan hadkan aktiviti luar.
- ✓ Pakai pakaian yang selesa, sesuai dan mudah menyerap peluh.
- ✓ Elakkan pembakaran terbuka.
- ✓ Simpan bekalan air secukupnya.

Tips Sewaktu Berlaku Gempa Bumi:

Sebelum berlaku gegaran (persediaan awal):

- ✓ Simpan kit kecemasan (air minuman, lampu suluh, ubat-ubatan, *power bank*, radio bateri).
- ✓ Kenal pasti tempat selamat di rumah, contohnya bawah meja kukuh atau berhampiran tiang rumah.
- ✓ Pastikan barang berat atau mudah jatuh (almari, TV, pasu besar) dipasang atau diletakkan dengan stabil.
- ✓ Rancang dengan ahli keluarga tempat berkumpul jika perlu keluar rumah.

Semasa gegaran:

- ✓ Jangan panik: terus berlindung di bawah meja atau berhampiran struktur kukuh.
- ✓ Jika dalam bangunan: jangan guna lif, keluar ikut tangga kecemasan bila sudah selamat.
- ✓ Jika di luar: jauhi bangunan, tiang elektrik, atau pokok besar.

Selepas gegaran:

- ✓ Periksa keadaan rumah: pastikan tiada keretakan serius atau kebocoran gas.
- ✓ Dengar pengumuman rasmi daripada MET Malaysia, NADMA atau pihak berkuasa sebelum kembali ke dalam rumah.
- ✓ Bersedia untuk gegaran susulan (*aftershock*) yang mungkin kecil tetapi boleh mengejutkan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://portalbencana.nadma.gov.my> dan <https://www.nadma.gov.my>.



LAPORAN SITUASI SEMASA #06

AGANSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400


15 SEPTEMBER 2025

6

Lampiran 1

LOKASI KEJADIAN GEMPA BUMI PADA PETA SESAR SEMENANJUNG MALAYSIA

DARI 24 HINGGA 30 OGOS 2025



Sumber: Jabatan Meteorologi Malaysia



LAPORAN SITUASI SEMASA #06

AGensi PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400


15 SEPTEMBER 2025

7

Lampiran 2

STATUS CUACA PANAS

PADA 14 SEPTEMBER 2025 JAM 4.00 PETANG



Tahap 1	-
Tahap 2	-
Tahap 3	-

Sumber: Jabatan Meteorologi Malaysia




15 SEPTEMBER 2025

8

Lampiran 3

STATUS STORAN EMPANGAN

PADA 12 SEPTEMBER 2025



Sumber: Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)




15 SEPTEMBER 2025

9


Lampiran 4

INDEKS PENCEMARAN UDARA (IPU)

PADA 15 SEPTEMBER 2025 JAM 12.00 TENGAH HARI



Total Station : 68




Sumber: Jabatan Alam Sekitar (JAS)



BILANGAN TITIK PANAS SERANTAU

PADA 14 SEPTEMBER 2025



KAWASAN		TARIKH						
		8/9	9/9	10/9	11/9	12/9	13/9	14/9
Indonesia	Kalimantan	0	3	3	26	2	0	1
	Sumatera	10	1	1	0	0	1	19
Malaysia	Sabah & Sarawak	0	0	0	0	0	0	0
	Semenanjung	1	0	0	0	0	0	0

Petunjuk: meningkat menurun kekal

Sumber: Asean Specialized Meteorological Centre (ASMC)